

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
MESYUARAT , PENGGAL KE(NOT SET)
PARLIMEN KE(NOT SET)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23 Julai 2013

SOALAN

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan statistik untuk tempoh lima tahun, berkaitan kes-kes keganasan domestik membabitkan keganasan rumah tangga mengikut jenis-jenis keganasan yang dilakukan, kecederaan dan kecacatan anggota fizikal, menghadapi tekanan emosi dan kematian di negara ini.

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius akan kes keganasan rumah tangga yang berlaku di negara ini. Sesungguhnya sebarang konflik dan cabaran rumah tangga perlu diselesaikan dengan cara berhemah dan bijak tanpa melibatkan keganasan berbentuk fizikal, psikologi, emosi atau mental, sama ada kepada suami, isteri, anak-anak ataupun keluarga. Statistik Polis Diraja Malaysia melaporkan sebanyak 17,346 kes keganasan rumah tangga bagi tempoh 2008 hingga 2012 yang menyebabkan kecederaan fizikal dan yang boleh menyebabkan tekanan emosi. Daripada jumlah itu, sebanyak 10,343 kes yang dilaporkan menyebabkan kecederaan fizikal manakala selebihnya iaitu 7,003 kes boleh menyebabkan tekanan emosi. Bagi 10,343 kes yang menyebabkan kecederaan fizikal, 5 kategori kes tertinggi mengikut seksyen Kanun Keseksaan adalah seperti berikut: (a) Seksyen 323 Kanun Keseksaan iaitu menyebabkan kecederaan dengan sengaja - 6,588 kes (63.70%); (b) Seksyen 324 Kanun Keseksaan iaitu menyebabkan kecederaan dengan menggunakan senjata - 2,812 kes (27.19%); (c) Seksyen 325 Kanun Keseksaan iaitu mendatangkan kecederaan parah - 309 kes (2.99%); (d) Seksyen 326 Kanun Keseksaan iaitu menyebabkan kecederaan parah dengan menggunakan senjata - 223 kes (2.16%); dan (e) Seksyen 325 / 511 Kanun Keseksaan iaitu mendatangkan kecederaan parah dan percubaan untuk melakukan kesalahan yang boleh dipenjarakan - 149 kes (1.44%). Selain itu, bagi baki 7,003 kes yang boleh menyebabkan tekanan emosi, 5 kategori kes tertinggi mengikut seksyen Kanun Seksaan adalah seperti berikut: (a) Seksyen 506 Kanun Keseksaan iaitu ugutan jenayah - 5,154 kes (73.60%); (b) Seksyen 506 / 323 Kanun Keseksaan iaitu ugutan jenayah dan menyebabkan kecederaan dengan sengaja - 815 kes (11.64%); (c) Seksyen 8 (1) (e) Ordinan Kesalahan Kecil Negeri Sabah iaitu menyebabkan kekecohan - 359 kes (5.13%); (d) Seksyen 507 Kanun Keseksaan iaitu menakutkan secara jenayah - 285 kes (4.07%); dan Seksyen 506 / 427 Kanun Keseksaan iaitu ugutan jenayah dan khianat dengan kerugian melebihi RM25.00 - 204 kes (3.06%).

